

Wanita Islam Dengan Soal Poligami

(Sambungan Qalam bilangan 213)

“Bahagian Akhir”

Sebagai seorang rasul dan sebagai seorang suami yang sentiasa mendapat panduan pimpinan dari Tuhan di dalam menghadapi soal hidup, maka Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* tetap berlaku adil terhadap isteri-isterinya. Baginda tetap selama-lamanya menghormati perasaan dan tabiat semula jadi yang dimiliki oleh kaum wanita. Dalam pada itu Baginda pernah mensifatkan bahawa kaum wanita itu adalah suatu makhluk Tuhan yang sangat besar tipu dayanya.

(Oleh: Ummu Muhsin)

Alam Wanita

Islam Pembela Kaum Wanita:

Kenanglah kata-kata Saiyidina Umar bin al-Khattab sewaktu beliau membayangkan sahsiah (peribadi) Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* sebagai seorang suami yang mempunyai tugas terhadap rumahtangganya, di samping Baginda sebagai seorang Rasul Allah yang mempunyai tanggungjawab penuh terhadap umat manusia yang di bawah pimpinannya. Seterusnya gambaran yang dikatakan oleh Saiyidina Umar itu adalah membuktikan perkara yang sebenarnya tentang sahsiah Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* sebagai seorang makhluk Tuhan yang dinamakan manusia. Ujar Saiyidina Umar:

“Demi Allah! Biasanya kami dalam zaman Jahiliyah dahulu, tidak mahu menghargai sebarang perkara yang datang dari kaum wanita, hal yang demikian itu berlanjutan turun temurun, sehinggalah Allah *‘Azza wa Jalla* menurunkan wahyu (al-Qur’ān) mengenai mereka dan mengangkat darjat mereka sebagai manusia dan membahagikan kepada mereka apa yang telah dibahagikan kepada kaum lelaki. Pada suatu hari ketika aku hendak menguruskan suatu perkara, tiba-tiba

isteriku berkata: “Kalau awak begitu dan begini alangkah baiknya?” Maka aku pun berkata kepadanya: ‘Mengapa awak campur tangan dalam urusanku?’ Ia pun lantas menjawab:

“Ajaib sungguh wahai Ibnu al-Khattāb nampaknya awak tidak suka fikiran awak dibantah oleh seorang wanita, pada hal anak perempuan awak (Saiyidatina Hafsa isteri Nabi) kerap kali membantah suaminya Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, sehingga Baginda berkekal marah sehari suntuk’.

“Mendengar perkataan isteriku itu, maka aku pun mengambil kain selepangku” kata Saidina Umar menerangkan kisahnya,” Lalu aku pergi ke rumah Hafsa dan lantas berkata kepadanya: “Anakku! Aku dengar engkau pernah membantah Rasulullah sehingga Baginda berkekal marah sehari suntuk?”

Dengan tegas Hafsa menjawab: ‘Kami - isteri-isteri Nabi – demi Allah! sering kali membantah fikirannya yang tak sesuai dengan pendapat kami!’

“Kemudian aku pun terus keluar” – kata Saidina Umar lagi - “Lalu pergi ke rumah Ummu Salmah (isteri Nabi), kerana dia adalah salah seorang daripada kaum kerabatku, lalu aku bertanya hal itu kepadanya, ia pun menjawab: ‘Ajaib benar wahai Ibu Al-Khattāb! Nampaknya awak telah mulai nak campur tangan dalam segala perkara, kini awak nak campur tangan pula dalam urusan rumah tangga Rasulullah dengan isteri-isterinya?’

“Kata-kata yang diucapkan oleh Ummu Salmah itu” – kata Saidina Umar lagi – “Telah memadamkan api kemarahan yang sedang menyala dihatiku”.

Fikiran Wanita Dihargai:

Sebab berlakunya kejadian seperti itu, ialah kerana Saiyidina Umar dan para Sahabat yang lain memandang bahawa Junjungan kita Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* adalah sebagai seorang nabi dan rasul pilihan Tuhan yang patut disanjung tinggi, dimuliakan dan dihormati di dalam segala segi hidup, sedang isteri-isteri

Sejarah Pakistan¹

Baginda di samping memandang Muhammad sebagai seorang rasul, mereka juga memandang Baginda sebagai seorang suami yang harus diberikan tenaga berfikir di dalam menghadapi soal hidup sehari-hari. Manakala Baginda sendiri dengan perasaan lapang dan dada yang terbuka berkenan menerima segala buah fikiran yang dikemukakan oleh isteri-isterinya itu, lantaran Baginda berpendapat dari pengalaman-pengalaman hidup yang telah Baginda tempuhi, fikiran-fikiran yang dikemukakan oleh kaum wanita di dalam menghadapi soal-soal kesulitan rumahtangga selalu mentenangkan fikirannya untuk menghadapi perjuangan-perjuangan hidup yang lebih besar tanggungjawabnya di lapangan dakwah dan memperkembangkan ajaran-ajaran Islam di kalangan masyarakat bangsanya pada masa itu. Oleh itu Baginda tidak pernah merasa jemu dan bosan, sewaktu fikiran-fikirannya ditentang dan dibantah oleh isteri-isterinya yang memang menaruh perasaan cinta abadi terhadap dirinya.

Setengah-setengah penulis tidak suka hendak menyatakan dengan terus-terang kisah-kisah mengenai perselisihan-perselisihan yang terjadi – sekali-sekala – di antara Rasulullah dengan isteri-isterinya itu. Buat saya hal ini tidaklah menjadi suatu kesalahan dan pada pendapat saya kisah-kisah tersebut patut diterangkan dengan sejelas-jelasnya supaya dapat dijadikan contoh dan tauladan kepada kaum ibu Islam yang benar-benar cinta kepada suami-suami mereka.

Tambahan pula hal-hal ini telah saya selidiki di dalam buku-buku

sejarah Islam yang besar dan luas bahasannya, saya dapati bahawa Rasul Allah sendiri tidak menaruh bencinya kepada perselisihan-perselisihan yang terjadi di antaranya dengan isteri-isterinya itu – kecuali kalau perselisihan itu melampaui batas kehormatan rumahtangga – maka pada ketika itu akan marah jugalah Baginda dan ada kalanya isteri-isterinya itu diherdik dan dipulaukan selama beberapa hari dengan tujuan untuk memberi suatu pengajaran kepada mereka supaya mereka insaf dan tidak akan mengulangi lagi akan kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan itu.

Tindakan Bersopan-santun:

Selain daripada mengalami beberapa perselisihan rumahtangga yang tak dapat Baginda elakkan dengan isteri-isterinya, yang mana di dalam perselisihan-perselisihan yang melanggar tata tertib kehormatan rumah tangga, Baginda terpaksa bertindak dengan keras terhadap isteri-isterinya yang menimbulkan perselisihan itu, maka tindakan-tindakan keras itu tidaklah pula sampai mengecilkan hati dan merenggangkan pergaulan di antaranya dengan isteri-isterinya itu, kerana dalam masa menjalankan tindakan itu Rasulullah tidak pernah bersikap kasar atau mengeluarkan kata-kata yang kurang sopan dengan tujuan untuk memperhina atau memperkecil-kecilkan kedudukan kaum wanita, antara tindakan-tindakan keras yang Baginda lakukan itu adalah dengan tujuan mengajar bukan berdasarkan perasaan benci atau membalas dendam terhadap isteri-isterinya itu.

Sifat Kewanitaan Harus Dihormat:

Sebagai seorang Rasul dan sebagai seorang suami yang

sentiasa mendapat panduan dan pimpinan dari Tuhan dalam menghadapi soal hidup, Rasul Allah tetap selamanya berlaku adil terhadap isteri-isterinya. Baginda tetap selamanya menghormati perasan dan sifat semula jadi kaum wanita yang telah dijadikan Tuhan, di antaranya ialah sifat cemburu dan perlawanan di antara mereka sesama sendiri untuk merebut perasaan kasih seorang suami. Baginda faham bahawa perasaan-perasaan tersebut timbul meresap ke dalam jiwa mereka adalah dari kerana tersangat kasih dan cintanya mereka terhadap dirinya. Sebagai seorang suami yang bersifat adil dan saksama menjaga perasaan semula jadi yang tertanam di hati setiap kaum wanita yang telah berumahtangga, maka Baginda berpendapat semuanya ini harus diraikan dan wajib dihormati oleh kaum lelaki.

Inilah dasar keadilan yang diamalkan oleh Rasulullah terhadap isteri-isterinya dan inilah yang menyebabkan isteri-isteri Baginda selalu berlawan-lawanan untuk merebut perasaan kasih sayang supaya dapat mereka bolot dengan cara bersendirian, sehingga kadang-kadang mereka lupa bahawa Baginda Rasulullah bukanlah seperti suami-suami yang lain, suami-suami yang tidak tahu menghormati perasaan dan sifat-sifat semula jadi yang telah diberikan khas oleh Tuhan kepada kaum wanita.

Tipu Dayanya Sangat Besar:


Dengan adanya perasaan timbang rasa yang begitu mendalam, menyebabkan Rasul Allah tidak pernah cuba hendak memaksa isteri-isterinya itu menahan tabiat kewanitaan yang tertanam pada diri

¹ Perkataan sebenarnya adalah Alam Wanita.

Alam Wanita...

mereka masing-masing. Dan Baginda tidak pula berkenan supaya tabiat kewanitaan mereka yang semulajadi itu

terhapus sama sekali, lalu mereka memaksa diri untuk membersihkan diri daripada runtunan-runtunan tabiat hawa yang mesti dimiliki oleh setiap makhluk yang berjenis wanita.



Raja Faisal dari Saudi Arabia, *al-Malik* Husin dari Jordan

dan *al-Malik* Hasan dari Morocco di atas pentas penghormatan di Lapangan Terbang Riyadh sewaktu Baginda berdua akan berangkat ke Madinah al-Munawwarah. (gambar dipetik dari al-Madinah al-Munawwarah).

Rasulullah mengetahui, kalau seseorang wanita itu telah tulucut² daripadanya perasaan cemburu, rindu dendam dan lain-lain tabiat kewanitaan maka sudah tentu wanita itu bukan lagi menjadi seorang wanita yang asli. Bila sifat-sifat keaslian seseorang wanita itu telah terhapus dari jiwanya, maka akan hilanglah kehalusan budi pekerti yang menjadi daya penarik bagi kaum wanita.

Dalam pada itu Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* pernah mensifatkan bahawa kaum wanita adalah suatu makhluk Tuhan yang sangat besar tipu dayanya.

Tamat.

sudah siap

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah II

RAHSIA TERBUKA

Harga 50 sen.

Pos 10 sen.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah III

MENJINAKKAN

Harga 50 sen.

Pos 10 sen.

Pesan-lah kapada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.

² Perkataan sebenarnya adalah terlucut.